Nassarudin bin Ahmad (berniaga sebagai Kampung Jarak Enterprise) dan satu lagi lwn Pens Holdings Sdn Bhd dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KANGAR) — GUAMAN SIVIL NO 23NCVC-01–05 TAHUN 2013
ABU BAKAR KATAR PK
28 SEPTEMBER 2014

Kontrak — Usaha sama — Perjanjian usaha sama — Pelanggaran — Projek membaik pulih kilang dan mesin jentera — Kos oleh plaintif — Notis oleh defendan bahawa projek usaha sama tidak boleh diteruskan — Penggunaan lori dan plant ready-mix dikenakan sewa mengikut kadar yang ditetapkan dari tarikh masuk tapak — Dakwaan pencerobohan — Sama ada plaintif telah menceroboh tapak — Tuntutan ganti rugi pembayaran balik kos yang telah dibelanjakan sebagai kos baik pulih, kos pentadbiran dan kos operasi serta ganti rugi kehilangan pendapatan — Sama ada wujud usaha sama antara pihak-pihak

Plaintif pertama merupakan seorang peniaga ('Kampung Jarak') manakala defendan pertama merupakan sebuah syarikat milik penuh defendan kedua yang merupakan sebuah perbadanan milik Kerajaan Negeri Perlis. Pihak-pihak telah berusaha sama bagi mengoperasi semula kilang produk konkrit milik defendan kedua. Plaintif pertama memulakan baik pulih kilang dan mesin jentera di tapak tersebut dengan menggunakan kos plaintif pertama dan projek disempurnakan pada awal bulan November 2008. Defendan pertama kemudiannya memaklumkan cadangan usaha sama tersebut tidak dapat diteruskan dan penggunaan lori dan *plant ready-mix* akan dikenakan sewa mengikut kadar yang ditetapkan dalam surat tersebut dan caj sewaan berkuat kuasa dari tarikh masuk tapak. Plaintif kedua menyatakan kesediaan menyerahkan kembali tapak kilang, jentera dan geran kenderaan tersebut pada bila-bila masa dengan syarat defendan pertama membayar semua kos pembersihan tapak dan pembaikan semula *plant* dan jentera serta kenderaan dan bangunan tapak tersebut. Defendan pertama menyatakan bahawa ia tiada halangan untuk membayar kos perbelanjaan membaik pulih jentera dan loji tertakluk kepada pembuktian resit asal sebagai bukti kos perbelanjaan yang telah dibuat. Defendan kedua mengarahkan plaintif kedua keluar dari tapak tersebut dalam masa 30 hari atas dakwaan plaintif kedua adalah penceroboh hartanah tapak tersebut. Defendan kedua memfailkan saman terhadap plaintif kedua menuntut milikan kosong hartanah tapak tersebut tetapi telah ditolak oleh mahkamah. Defendan kedua memfailkan semula tindakan guaman ('guaman 2011') terhadap plaintif kedua mendakwa plaintif kedua sebagai penceroboh hartanah tersebut dan menuntut milikan kosong hartanah

tersebut. Mahkamah menolak tuntutan defendan kedua dengan kos. Rentetan itu, plaintif pertama dan plaintif kedua memfailkan tindakan ('guaman 2013') mendakwa defendan kedua telah memfitnah mereka dalam guaman 2011. Plaintif-plaintif dalam guaman 2013 juga menuntut ganti rugi pembayaran balik kos yang telah dibelanjakan sebagai kos baik pulih, kos pentadbiran dan kos operasi berserta ganti rugi kehilangan pendapatan dan lain-lain ganti rugi akibat penamatan projek tersebut. Isu-isu yang timbul adalah sama ada plaintif pertama dan plaintif kedua berjaya membuktikan dakwaanya defendan pertama dan defendan kedua memfitnah melalui guaman 2011; sama ada wujud usaha sama antara plaintif pertama dan plaintif kedua dengan defendan kedua; sama ada defendan pertama dan defendan kedua bertanggungan atas penamatan projek usaha sama tersebut; apakah ganti rugi hilang reputasi atas dakwaan fitnah; sama ada defendan pertama dan defendan kedua bertanggungan membayar balik RM1,352,148.83 yang dibelanjakan oleh plaintif pertama sebagai kos baik pulih, kos pentadbiran dan kos operasi; sama ada defendan pertama dan defendan kedua bertanggungan bagi kehilangan pendapatan plaintif berjumlah RM19,219,242.65; dan sama ada defendan pertama berjaya membuktikan tuntutan balas untuk caj sewaan.

Diputuskan:

(1) Guaman 2011 hanya melibatkan defendan kedua dan plaintif kedua semata-mata. Nama plaintif pertama dan defendan pertama tidak tertulis dalam notis tuntutan atau penyata tuntutan dalam guaman 2011. Dalam guaman 2011, defendan kedua ada memfitnah plaintif kedua dan plaintif pertama *alter ego* plaintif kedua. Penemuan fakta dalam guaman 2011 yang memutuskan plaintif kedua bukannya penceroboh diterima (lihat perenggan 29–30).

(2) Defendan kedua dalam penyata pembelaannya bergantung kepada pembelaan mutlak iaitu perkataan yang menyatakan penceroboh. Ianya dinyatakan dalam penyata tuntutan yang merupakan pliding dan sebahagian daripada prosiding undang-undang yang tidak boleh dijadikan sebagai kausa tindakan fitnah (lihat perenggan 34).

(3) Mahkamah ini menolak tuntutan plaintif pertama dan plaintif kedua terhadap defendan kedua atas tindakan fitnah yang berpunca daripada pliding dalam guaman 2011 dan alasan penghakiman YA pesuruhjaya kehakiman yang membuat penemuan fakta plaintif kedua bukannya penceroboh atas hartanah tersebut (lihat perenggan 41).

(4) Guaman 2011 telah membuat penemuan fakta kewujudan usaha sama antara plaintif pertama dan defendan pertama dan defendan kedua. Memandangkan penemuan fakta ini tidak diketepikan oleh mahkamah atasan, ianya terikat dengan doktrin res judicata (lihat perenggan).

(5) Adalah jelas masalah kewangan yang menjadi punca masalah yang didakwa ditimbulkan oleh defendan pertama dan defendan kedua. Masalah bayaran bekalan bahan binaan tidak diplidkan dalam penyata tuntutan yang difailkan oleh plaintif pertama dan plaintif kedua. Masalah pembayaran itu melibatkan Kampung Jarak Hardware dan ianya tidak ada kena mengena dengan perjanjian usaha sama (lihat perenggan 50).

(6) Sekiranya plaintif pertama mengalami masalah kewangan, plaintif pertama yang sepatutnya mengambil kira kos bagi meneruskan operasi kilang tersebut. Masalah bayaran defendan pertama tidak berkaitan sama sekali dengan perjanjian usaha sama tersebut. Kos ganti rugi tidak seharusnya dibenarkan kerana plaintif pertama dan plaintif kedua tidak telus dalam membentangkan penyata kewangan berkaitan pendapatan dan perbelanjaan kos operasi kilang. Penyata akaun terakhir tidak menggambarkan hasil jualan produk yang tidak diambil kira atau ditunjukkan bagi mengurangkan perbelanjaan kos operasi dan pembaikan jentera. Plaintif pertama dan plaintif kedua juga menuntut kos pembelian bahan mentah untuk pembuatan produk Kampung Jarak Concrete daripada defendan pertama dan defendan kedua sedangkan hasil jualan dimasukkan ke dalam akaun Kampung Jarak Hardware Sdn Bhd (lihat perenggan 51 & 62).

(7) Plaintif pertama dan plaintif kedua mempunyai tugas untuk mengurangkan kerugian yang dialami. Sekiranya benar ada timbul masalah, plaintif pertama dan plaintif kedua perlu mengambil langkah-langkah lain bagi membolehkan operasi sehingga sepuluh tahun dijalankan. Sekiranya ada kerugian yang dituntut ialah kerugian yang berpunca daripada menjalankan operasi di tempat lain (lihat perenggan 70).

[English summary

The first plaintiff was a businessman ('Kampung Jarak') while the first defendant was a company fully-owned by the second defendant which was a body belonging to the government of Perlis. The parties had entered into a joint venture to re-operate a concrete factory belonging to the second defendant. The first plaintiff had commenced reconstruction of the factory and the machines at the site by utilising the first plaintiff's cost and the project was completed in early November 2008. The first defendant then notified that the proposed joint venture could not be proceeded and the usage of lorry and ready-mix plant would be charged with a rate stipulated in the said letter and the tenancy charges would come into force from the date they enter into the site. The second plaintiff voiced out their readiness to hand back the factory site, the machines and the vehicle grant anytime with the condition that the first defendant pays the cost of the clearing of the site and the reconstruction of the plant, machines and the vehicles and buildings on the site. The first

A defendant stated that it did not have any problem with paying the cost incurred in repairing the machines and the plant subject to the evidence of the original receipt as the evidence that the expenditure costs had been made. The second defendant told the second defendant to leave the site in 30 days on the allegation that the second plaintiff was an intruder of the said site property. The B second defendant filed an action against the second plaintiff claiming for vacant possession of the site property but the same was dismissed by the court. The second defendant re-filed the suit ('2011 suit') against the second plaintiff claiming that the second plaintiff was an intruder and claimed for vacant possession of the said property. The court dismissed the second defendant's C application with costs. Following that, the first and second plaintiffs filed an action ('2013 suit') claiming that the second defendant had defamed then in the 2011 suit. The plaintiffs in the 2013 suit also claimed for damages for the repayment of the costs incurred for repairing, administrative and operations and damages for loss of income and other losses following the termination of D the project. The issues that arose were whether the first and second plaintiff had successfully proved the claim against the first and second defendants that they had defamed him in suit 2011; whether there was a joint venture between the first and second plaintiffs and the second defendant; whether the first and E second defendant liabe for the termination of the said joint venture; what was the compensation for loss of reputation and allegation of defamation; whether the first and second defendants liable to pay RM1,352,148.83 spent by the first plaintiff being the repair, administrative and operations costs; whether the first and second defendant liable for plaintiff's loss of income in the amount of F RM19,219,242.65; and whether the first defendant had successfully proved the counterclaim for rental charges.

Held:

G (1) The 2011 suit only involved the second defendant and the second plaintiff. The names of the first plaintiff and the first defendant were not stated in the notice of claim or the statement of claim of suit 2011. In suit 2011, the second defendant had defamed the first and second plaintiff, the alter ego of the second plaintiff. The finding of fact in suit 2011 held H that the second plaintiff was not an intruder was accepted (see paras 29–30).

(2) The second defendant in his statement of defence relied on whole defence which was the word intruder. It was stated in the statement of I claim which was the pleading and a part of the legal proceedings which could not be made as the cause of action for defamation (see para 34).

(3) This court dismissed the claim of the first and second plaintiff against the second defendant on the defamation action which was based on the pleading from suit 2012 and the judgment of the judicial commissioner

in making a finding of fact that the second plaintiff was not an intruder of the property (see para 41).

(4) The 2011 suit had made a finding of fact of the existence of a joint venture between the first plaintiff and first defendant and the second defendant. Since this finding of fact was not set aside by the appellate court, it was bound by the doctrine of res judicata (see para 45).

(5) It was clear that financial problem was the problem which was alleged to have been raised by the first and second defendants. The problem of the payment of construction materials supply was not pleaded in the statement of claim filed by the first and second plaintiffs. The problem involved Kampung Jarak Hardware and had no connection with the joint venture agreement (see para 50).

(6) If the first plaintiff was facing financial problem, the first plaintiff should have taken into account the cost to go on with the operations of the plant. The defendant's payment had no connection at all with the joint venture agreement. Cost for damages should not have been allowed as the first and second plaintiffs were not transparent in laying out the financial statement relating the income and expenditure costs of the plant. The last account statement did not reflect the results of product sales which was not taken into account or showed to lessen the expenditure for the cost of operations and repairing of the machines. The first and second plaintiff also claimed for the cost of the purchase of raw materials for the manufacturing of Kampung Jarak Concrete's products from the first and second defendants even though the sales were entered into the account of Kampung Jarak Hardware Sdn Bhd (see paras 51 & 62).

(7) The first and second plaintiffs had the duty of limiting the losses incurred. If it was true that problem arose, the first and second plaintiffs must take measure to enable operation to be carried out for ten years. If there were losses claimed, the losses were from the operations at other places (see para 70).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai perjanjian usaha sama, lihat 3(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 5444–5448.

Kes-kes yang dirujuk

Asia Commercial Finance (M) Bhd v Kawal Teliti Sdn Bhd [1995] 3 MLJ 189, MA (dirujuk)

Associated Metal Smelters Ltd v Tham Cheow Toh [1971] 1 MLJ 271 (dirujuk)

Ayer Hitam Tin Dredging Malaysia Bhd v YC Chin Enterprise Sdn Bhd [1994] 2 MLJ 754, MA (dirujuk)

Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ Rep 321, MT (dirujuk)

Bank Bumiputra Malaysia Bhd Kuala Terengganu v Mae Perkayuan Sdn Bhd & Ors [1993] 2 MLJ 76, MA (dirujuk)
Chong Khee Sang v Pang Ah Chee [1984] 1 MLJ 777 (dirujuk)
Cornelius Jimbangan @ Mindolos v Joseph Crispin & Anor (Michael Persius Ubu, third party) [2009] 6 MLJ 82; [2009] 10 CLJ 87, MT (dirujuk)
Dasar Profil (M) Sdn Bhd & Anor v Nadicorp Holdings Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Mara Holdings Sdn Bhd) [2012] MLJU 1150, MT (dibeza)
Devadass a/l Raju v Tham Soon Kum & Ors [2013] 1 MLJ 700, MT (dirujuk)
Fine TV Network Sdn Bhd v Telekom Malaysia Berhad & Anor [2013] 1 AMR 716, MT (dirujuk)
First Consolidated Sdn Bhd v Padu Ehsan Sdn Bhd and another action [1993] MLJU 216, MT (dirujuk)
Hadley v Baxendale (1854) 9 Exch 341 (dirujuk)
Hartecon JV Sdn Bhd & Anor v Hartela Contractors Ltd [1996] 2 MLJ 57, MR (dirujuk)
Joseph Lee Yok Min @ Ambrose v Mayban Securities Sdn Bhd, Ipoh Branch (formerly known as Philleoallied Securities Sdn Bhd) & Anor [2014] 2 MLJ 848, MR (dirujuk)
KBB Properties Sdn Bhd v Yong Chon Chiang [2006] 6 CLJ 421, MT (dirujuk)
KPM Khidmat Sdn Bhd v Tey Kim Sue [1994] 2 MLJ 627, MA (dirujuk)
Kesang Leasing Sdn Bhd v Dato' Haji Mat @ Mat Shah bin Ahmad & Ors (No 2) [2009] 2 MLJ 574, MT (dirujuk)
Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank & Ors v The New Straits Times Press (M) Bhd & Ors and another suit [2013] 8 MLJ 199, MR (dirujuk)
MMP Communications Sdn Bhd v Flyfirefly Sdn Bhd [2012] MLJU 1299; [2011] 1 AMR 652, MT (dirujuk)
Malaysian Rubber Development Corp Bhd v Glove Seal Sdn Bhd [1994] 3 MLJ 569, MA (dirujuk)
Ng Chooi Kor v Isyoda (M) Sdn Bhd [2004] MLJU 626, MT (dirujuk)
Perspective Globe Sdn Bhd v Sogo Pernas Development Store Sdn Bhd [2009] MLJU 455 (dirujuk)
Popular Industries Limited v Eastern Garment Manufacturing Sdn Bhd [1989] 3 MLJ 360, MT (dirujuk)
S Pakianathan v Jenni Ibrahim [1988] 2 MLJ 173; [1988] 1 CLJ Rep 233, MA (dirujuk)
Tanjung Tiara Sdn Bhd v Southwind Development Sdn Bhd [2011] 4 MLJ 593, MR (dirujuk)
Thiruchelvasegaram a/l Manickavasegar v Mahadevi a/p Nadchatiram [2000] 5 MLJ 465; [2001] 3 CLJ 65, MT (dirujuk)
Wong Cham Mew lwn Hong Leong Finance Bhd [1998] 2 MLJ 194, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Fitnah 1957 ss 11, 12
Akta Keterangan 1950 ss 64 , 65
Akta Kontrak 1950 s 74(1)
Akta Syarikat 1965

Zamri Ibrahim (Zamri Ibrahim & Co) bagi pihak plaintiff.
Azhar bin Ahmad (Aswar, Simon & Azhar) bagi pihak defendan.

Abu Bakar PK

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Plaintif pertama merupakan seorang individu yang berniaga sebagai Kampung Jarak Enterprise dan beralamat di Lot 1049 & 1050 Jalan Kangar — Alor Setar, Behor Temak, 01000 Kangar, Perlis. Plaintif kedua merupakan sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat perniagaan yang sama dengan alamat plaintif pertama.

[2] Defendan pertama merupakan sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 merupakan milik penuh defendan kedua yang beralamat di No 42-44, Simpang Tiga, Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar, Perlis. Defendan kedua sebuah perbadanan milik Kerajaan Negeri Perlis yang ditubuhkan di bawah Enakmen Negeri Perlis Bil 6 (1973) yang mempunyai alamat di No 173–191, Taman Kemajuan, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis.

[3] Hal perkara bermulanya tindakan ini berkaitan cadangan untuk mengaktifkan semula perniagaan sebuah kilang 'ready mix' ('kilang tersebut') yang telah terbiar terletak di atas hartanah Lot 128 dan Lot 1424 Mukim Kurong Batang, Perlis milik defendan kedua ('tapak tersebut').

[4] Kampung Jarak Group melalui suratnya bertarikh 19 Mei 2008 (eksh D 22) yang ditandatangani oleh SP1 selaku pengarahnya telah menghantar surat kepada EXCO Pelaburan, Penerangan dan Industri Negeri Perlis merangkap pengerusi defendan pertama pada masa tersebut menyatakan hasratnya untuk berusaha sama dengan defendan pertama antara lain mengoperasi semula kilang produk konkrit milik defendan kedua yang terletak di tapak tersebut.

[5] Defendan pertama kemudiannya melalui surat bertarikh 25 Jun 2008 (P3) kepada plaintif pertama memaklumkan bahawa Lembaga Pengarah defendan pertama telah meluluskan permohonan untuk berusaha sama dengan plaintif pertama. Surat tersebut juga menyatakan pihak syarikat tiada halangan dan memberi kebenaran kepada plaintif pertama memasuki tapak

dan memulakan kerja di tapak tersebut.

[6] Bersama-sama surat tersebut juga, defendan pertama menyertakan memo yang bertarikh 11 Jun 2008 yang dikeluarkan oleh Encik Norsiake bin Kassim kepada pengurus besar defendan pertama. Plaintif kemudiannya melalui suratnya bertarikh 28 Jun 2008 (P4) kepada defendan pertama telah menyatakan persetujuan bagi melaksanakan projek tersebut secara usaha sama dan bersetuju dengan syarat-syarat berikut:

(a) defendan pertama akan menanggung semua kos yang terlibat untuk membaik pulih kilang *ready mix* tersebut, mesin dan jentera, kenderaan lori dan juga kos operasi;

(b) defendan pertama akan menubuhkan sebuah syarikat usaha sama bagi melaksanakan projek tersebut dengan pembahagian saham 70% : 30%; dan

(c) pembahagian saham tersebut akan hanya dilakukan setelah setahun kilang *ready mix* berjaya dibaik pulih dan beroperasi.

[7] Plaintif pertama telah menubuhkan syarikat plaintif kedua iaitu Kampung Jarak Concrete Sdn Bhd (KJCSB) pada 8 Julai 2008 dan pengarah syarikat dipegang oleh Lenny Sharina bt Usop dan Noranatassha bt Mat Isa (P5).

[8] Plaintif pertama telah memasuki tapak tersebut pada 10 Julai 2008 (Q & A 35 dalam P1) dan memulakan baik pulih kilang dan mesin jentera di tapak tersebut dengan menggunakan kos plaintif pertama. Proses membaik pulih tekah berjaya dilakukan sepenuhnya pada sekitar awal bulan November 2008 (Q & A 38 dalam P1). Operasi seterusnya dijalankan atas nama plaintif kedua di mana produk '*pre-cast*' dan '*ready-mix*' telah mula dikeluarkan pada penghujung bulan November 2008 (Q & A 41 dalam P1).

[9] Plaintif kedua mengeluarkan notis panggilan mesyuarat khas KJCSB bertarikh 17 April 2009 (P10) menjemput pihak-pihak berkaitan menghadiri mesyuarat khas yang akan diadakan pada 4 Mei 2009. Mesyuarat khas tersebut telah dijalankan pada 4 Mei 2009 yang mana butir-butir minit mesyuarat tersebut terkandung dalam minit mesyuarat yang disediakan oleh SP2 (P27). Mesyuarat tersebut antara lainnya telah membincangkan berkaitan pengurusan dan pentadbiran syarikat plaintif kedua iaitu penentuan peratusan pegangan saham, pelantikan ahli pengarah, pembentangan akaun syarikat dan penyediaan tiga perjanjian berkaitan cadangan usaha sama tersebut.

[10] SP2 selaku setiausaha syarikat plaintif kedua telahpun menyediakan semua dokumen untuk pengstrukturan syarikat plaintif kedua, ianya tidak diteruskan oleh SP2 kerana plaintif pertama mengarahkan pengstrukturan dibekukan kerana kemungkinan projek usaha sama tersebut tidak dapat diteruskan (Q & A 39 dan 40 dalam P24).

[11] Defendan pertama kemudiannya melalui surat bertarikh 29 April 2010 (P14 A dan B) memaklumkan cadangan usaha sama tersebut tidak dapat diteruskan dan memohon diserah kembali dokumen-dokumen asal dan geran-geran milik defendan pertama. Pada tarikh yang sama melalui surat P14B, defendan pertama memaklumkan bahawa memandangkan cadangan usaha sama tersebut tidak dapat diteruskan maka penggunaan lori dan plant *ready-mix* akan dikenakan sewa mengikut kadar yang ditetapkan dalam surat tersebut dan caj sewaan berkuat kuasa dari tarikh masuk tapak.

[12] Plaintif kedua telah menjawab surat defendan pertama melalui surat bertarikh 5 Mei 2010 (P15) menyatakan plaintif kedua bersedia menyerahkan kembali tapak kilang, jentera dan geran kenderaan tersebut pada bila-bila masa dengan syarat defendan pertama membayar semua kos pembersihan tapak dan pembaikan semula plant dan jentera serta kenderaan dan bangunan tapak tersebut.

[13] Defendan pertama melalui suratnya bertarikh 18 Mei 2010 (ID2) telah membalas surat plaintif kedua menyatakan defendan pertama tiada halangan untuk membayar kos perbelanjaan membaik pulih jentera dan loji tertakluk kepada pembuktian resit asal sebagai bukti kos perbelanjaan yang telah dibuat.

[14] Defendan kedua telah mengarahkan peguamnya melalui notis tuntutan bertarikh 1 November 2010 (P16A) dan 2 November 2010 (P16B) dialamatkan kepada plaintif kedua menuntut plaintif kedua keluar dari tapak tersebut dalam masa 30 hari atas dakwaan plaintif kedua adalah penceroboh hartanah tapak tersebut.

[15] Defendan kedua telah memfailkan Saman Pemula No 24-154 tahun 2010 bertarikh 28 Disember 2010 terhadap plaintif kedua menuntut milikan kosong hartanah tapak tersbut tetapi saman pemula tersebut telah ditolak oleh mahkamah atas alasan tindakan hendaklah dibuat secara writ saman (Q & A 85 dalam P1). Defendan pertama mendakwa terpaksa menghentikan operasi kilang sepenuhnya pada bulan Jun 2011 (Q & A 86 dalam P1).

[16] Defendan kedua memfailkan semula tindakan Guaman Sivil No 22 NCVC-38–11 tahun 2011 ('guaman 2011') bertarikh 22 November 2011 (P17) di Mahkamah Tinggi Malaya, Kangar terhadap plaintif kedua mendakwa plaintif kedua sebagai penceroboh hartanah tersebut dan menuntut milikan kosong hartanah tersebut. Selepas perbicaraan penuh dijalankan pada 7 Februari 2013 (P17) YA Dato' Mohd Zaki bin Wahab, pesuruhjaya kehakiman telah menolak tuntutan defendan kedua dengan kos.

[17] Rentetan daripada fakta dan kejadian yang berlaku di atas, plaintif pertama dan plaintif kedua telah memfailkan tindakan writ dan penyata tuntutan iaitu Guaman Sivil No 23 NCVC-01–05 tahun 2013 ('guaman 2013'). Plaintif-plaintif memplidkan kausa tindakan dalam guaman 2013 iaitu defendan kedua telah memfitnah terhadap plaintif-plaintif melalui guaman 2011 yang menuduh plaintif kedua sebagai penceroboh. Plaintif kedua bergantung kepada penemuan fakta YA pesuruhjaya kehakiman di dalam alasan penghakimannya dalam kes guaman 2011 yang menyatakan kemasukan plaintif kedua kedalam tapak tersebut dengan kebenaran dan pengetahuan defendan-defendan. Sehubungan dengan itu dakwaan defendan kedua terhadap plaintif kedua sebagai penceroboh dalam guaman 2011 menimbulkan kausa fitnah dan plaintif-plaintif menuntut ganti rugi atas dakwaan fitnah tersebut.

[18] Plaintif-plaintif dalam guaman 2013 juga menuntut ganti rugi pembayaran balik kos yang telah dibelanjakan sebagai kos baik pulih, kos pentadbiran dan kos operasi beserta ganti rugi kehilangan pendapatan dan lain-lain ganti rugi akibat penamatan projek tersebut.

[19] Sebaliknya defendan pertama dan defendan kedua telah mempertikaikan tuntutan plaintif pertama dan plaintif kedua dalam guaman 2013. Defendan pertama telah memfailkan tuntutan balas menuntut kos sewaan penggunaan plant dan mesin-mesin serta jentera lori milik defendan pertama menurut kadar yang ditetapkan terhadap plaintif-plaintif. Perbicaraan penuh telah dijalankan oleh pesuruhjaya kehakiman, Mahkamah Tinggi Alor Setar, Kedah atas arahan YAA Hakim Besar Malaya sebagaimana arahan YAA dalam suratnya bertarikh 13 Februari 2014. Di akhir perbicaraan, mahkamah ini menolak tuntutan plaintif pertama dan plaintif kedua atas kausa fitnah dan perjanjian usaha sama dengan kos. Secara alternatif sekiranya defendan-defendan bertanggungan atas perjanjian usaha sama, plaintif pertama dan plaintif kedua gagal membuktikan kerugian yang dialaminya di para 44 (ii) dan (iii) penyata tuntutan. Mahkamah ini memberikan ganti rugi nominal sebanyak RM 500. Mahkamah ini membenarkan tuntutan balas oleh defendan pertama sebagaimana di para 50 penyata pembelaan dengan kos. Kadar faedah 5% setahun bermula dari tarikh penghakiman sehingga pembayaran penuh. Mahkamah ini memerintahkan plaintif pertama dan

plaintif kedua membayar kos RM40,000 kepada defendan-defendan. Mahkamah ini juga membenarkan kos tuntutan balas sebanyak RM15,000 kepada defendan pertama.

[20] Pihak plaintif pertama dan plaintif kedua yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia.

[21] Mahkamah ini telah menghalusi penghujahan bertulis yang difailkan oleh pihak-pihak, mahkamah ini berpendapat terdapat beberapa isu yang ditonjolkan antaranya ialah:

(a) sama ada plaintif pertama dan plaintif kedua berjaya membuktikan dakwaanya defendan pertama dan defendan kedua memfitnah melalui guaman 2011;

(b) sama ada wujud usaha sama antara plaintif pertama dan plaintif kedua dengan defendan kedua;

(c) sama ada defendan pertama dan defendan kedua bertanggungan atas penamatan projek usaha sama tersebut;

(d) apakah ganti rugi hilang reputasi atas dakwaan fitnah;

(e) sama ada defendan pertama dan defendan kedua bertanggungan membayar balik RM1,352,148.83 yang dibelanjakan oleh plaintif pertama sebagai kos baik pulih, kos pentadbiran dan kos operasi;

(f) sama ada defendan pertama dan defendan kedua bertanggungan bagi kehilangan pendapatan plaintif berjumlah RM19,219,242.65;

(g) sama ada defendan pertama berjaya membuktikan tuntutan balas untuk caj sewaan; dan

(h) kos guaman 2013.

BAGI ISU (a)

[22] Mahkamah ini di dalam alasan penghakimannya akan menyentuh terlebih dahulu kausa tindakan dalam guaman 2013 berdasarkan saman fitnah yang berpunca daripada guaman 2011 yang memihak kepada plaintif-plaintif. Plaintif-plaintif di perenggan 38 dan 39 penyata tuntutan mendasarkan kausa tindakan fitnahnya sebagaimana yang berikut:

> () (38) Tekanan dan halangan yang ditimbulkan oleh defendan-defendan terhadap usaha plaintif pertama dalam mengaktifkan semula perniagaan kilang tersebut termasuk perbuatan defendan kedua menuduh dan memfitnah plaintif

pertama dan plaintif kedua sebagai penceroboh dan mengheret plaintif kedua ke Mahkamah telah diketahui ramai dan amat memalukan yang menyebabkan plaintif pertama tiada pilihan selain daripada terpaksa menghentikan operasi kilang tersebut sama sekali yang memberi gambaran bahawa beliau telah gagal dalam perniagaannya.

() (39) Perbuatan defendan-defendan ini telah memberi gambaran bahawa plaintif pertama bukan sahaja telah melanggar undang-undang malah merupakan seorang ahli perniagaan yang tidak boleh dipercayai dan dengan ini telah menjatuhkan maruah dan reputasinya sebagai salah satunya ahli perniagaan Melayu yang berdaya maju dan terkenal di Negeri Perlis yang menyebabkan plaintif pertama mengalami tekanan perasaan yang teruk.

[23] Sebelum mahkamah ini menyentuh lebih lanjut sama ada plaintif pertama dan plaintif kedua telah berjaya membuktikan kesnya terhadap defendan pertama dan defendan kedua, eloklah diimbas kembali prinsip undang-undang fitnah yang telah menjadi rukun undang-undang yang mantap (*settled law*) di Malaysia. Mahkamah ini merujuk kes *Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi* [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ Rep 321 di mana YA Mohamed Dzaiddin H (pada ketika itu) telah mengariskan beban bukti atas plaintif untuk membuktikan tiga perkara penting dalam kes fitnah iaitu:

(a) Perkataan-perkataan itu memfitnah;

(b) Perkataan-perkataan itu merujuk kepada plaintif pertama dan plaintif kedua; dan

(c) Perkataan-perkataan itu diterbitkan.

BAGI PRA SYARAT (I):

[24] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar iaitu guaman 2011 (P17) sama sekali tidak melibatkan defendan pertama. Kausa tindakan fitnah sekiranya ada yang menyatakan plaintif pertama dan plaintif kedua sebagai penceroboh berdasarkan guaman 2011 hanyalah melibatkan defendan kedua. Defendan pertama bukannya pihak-pihak dalam guaman sivil 2011.

[25] Mahkamah ini dalam alasan penghakimannya akan menyentuh tuntutan fitnah yang melibatkan plaintif pertama dan plaintif kedua terhadap defendan kedua semata-mata. Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar secara panjang lebar ada menyentuh prinsip yang melibatkan undang-undang fitnah sebagaimana yang digariskan dalam kes *Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank & Ors v The New Straits Times Press (M) Bhd & Ors and another suit* [2013] 8 MLJ 199. Mahkamah ini bersetuju dengan prinsip-prinsip yang digariskan dalam kes *Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank & Ors*. Prinsip-prinsip yang sama juga telah diputuskan dalam kes *Ayob bin Saud* dan prinsip kes ini telahpun diikuti dalam kebanyakan kes-kes fitnah yang diputuskan disemua peringkat mahkamah-mahkamah di Malaysia.

[26] Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar telah menegaskan pernyataan dalam guaman 2011 yang difailkan oleh defendan kedua yang mendakwa plaintif kedua sebagai penceroboh sememangnya tidak benar dan merupakan fitnah kerana YA pesuruhjaya kehakiman dalam penghakimannya telah membuat penemuan fakta defendan kedua bersetuju plaintif pertama memasuki hartanah tersebut bagi tujuan membaik pulih. Plaintif pertama kemudiannya telah menubuhkan syarikat plaintif kedua pada 8 Julai 2008 atas persetujuan semua pihak. SD1 semasa pemeriksaan balas menyatakan syarikat atas nama Kampung Jarak adalah milik plaintif pertama dan semua surat yang dihantar oleh defendan pertama kepada mana-mana syarikat atas nama Kampung Jarak mempunyai rujukan atas nama plaintif pertama. Mahkamah ini dirujukkan kes *Joseph Lee Yok Min @ Ambrose v Mayban Securities Sdn Bhd, Ipoh Branch (formerly known as Philleoallied Securities Sdn Bhd) & Anor* [2014] 2 MLJ 848 yang memutuskan perayu sebagai *alter ego* kepada dua syarikat yang menerima arahan daripadanya. Mahkamah ini bersetuju plaintif pertama sebenarnya *alter ego* kepada syarikat plaintif kedua. Plaintif pertama yang menubuhkan syarikat plaintif kedua berjenama Kampung Jarak menggunakan nama dua orang kakitangannya. Fakta ini diperkuatkan dengan mesyuarat khas yang memutuskan hak pengurusan hartanah tersebut dan syarikat plaintif kedua diserahkan sepenuhnya kepada plaintif kedua.

[27] Mahkamah ini telah menimbangkan defendan kedua dalam guaman 2011 telah meminta plaintif kedua sebagai penceroboh dan meminta untuk mengosongkan hartanah tersebut dan meminta ganti rugi berjumlah RM500,000. Plaintif kedua bergantung kepada pernyataan dalam guaman 2011 yang mendakwa sebagai penceroboh. Plaintif selanjutnya mendakwa tuduhan sebagai penceroboh telah memberi gambaran plaintif pertama dan plaintif kedua bukan sahaja telah melanggar undang-undang malahan ahli perniagaan yang tidak boleh dipercayai dan ini menjatuhkan maruah dan resputasi plaintif pertama dan plaintif kedua menyebabkan plaintif pertama mengalami tekanan perasaan yang teruk.

[28] Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar telah menghujahkan perbuatan defendan kedua yang memfitnah plaintif pertama dan plaintif kedua melalui guaman 2011 menuduh plaintif kedua sebagai penceroboh tidak boleh dilindungi sama ada secara sepenuhnya atau bersyarat (*absolute or qualified privilege*) kerana perbuatan tersebut berunsur niat jahat kerana defendan kedua sendiri tahu tuduhan plaintif kedua sebagai penceroboh atas hartanah tersebut tidak betul.

[29] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar iaitu guaman 2011 (P17) hanya melibatkan defendan kedua dan plaintif kedua semata-mata. SP1 juga semasa pemeriksaan utama mengakui nama plaintif pertama dan defendan pertama tidak tertulis dalam notis tuntutan atau penyata tuntutan dalam guaman 2011.

[30] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar iaitu guaman 2011 secara jelasnya defendan kedua ada memfitnah plaintif kedua dan plaintif pertama *alter ego* plaintif kedua. Mahkamah ini menerima penemuan fakta oleh YA pesuruhjaya kehakiman dalam kes guaman 2011 yang memutuskan plaintif kedua bukannya penceroboh. Mahkamah ini berpendapat prasyarat (i) telahpun berjaya dipenuhi oleh plaintif pertama dan plaintif kedua.

BAGI PRASYARAT (II)

[31] Mahkamah ini berpendapat penyata tuntutan yang mengandungi perkataan memfitnah iaitu sebagai penceroboh dalam guaman sivil 2011 secara jelasnya merujuk kepada plaintif pertama dan plaintif kedua. Peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar dalam hujahannya tidak mempertikaikan prasyarat (ii) ini. Mahkamah ini berpendapat plaintif pertama dan plaintif kedua berjaya membuktikan prasyarat (ii) ini.

BAGI PRASYARAT (III)

[32] Mahkamah ini berpendapat plaintif pertama dan plaintif kedua perlu membuktikan perkataan yang memfitnah iaitu sebagai penceroboh yang terkandung dalam guaman 2011 diterbitkan kepada pihak ketiga. Plaintif pertama dan plaintif kedua mempunyai beban tugas untuk membuktikan prasyarat (iii) ini dipatuhi sebelum tindakan fitnahnya berjaya. Mahkamah ini merujuk kes *S Pakianathan v Jenni Ibrahim* [1988] 2 MLJ 173; [1988] 1 CLJ Rep 233, Mahkamah Agung dalam penghakimannya mengungkapkan seperti berikut:

> In order to constitute publication, the defamatory matter must be published to a third party, and not simply to the Plaintiff. By publication, it is meant the making

known of defamatory matter, after it has been written, to some person other than the person to whom it is written, the uttering of a libel to the party libeled is no publication for the purposes of a civil action: *Wennhak v Morgan* ...

[33] Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar telah menghujahkan memandangkan guaman 2011 difailkan oleh defendan kedua di Mahkamah Tinggi, Kangar ianya merupakan dokumen awam yang boleh diakses oleh orang ramai dan sememangnya berlaku penyiaran dokumen dan kandungannya kepada pihak ketiga. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar berkaitan isu perkataan fitnah itu diterbitkan kepada pihak ketiga. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama dan kedua yang terpelajar iaitu sepanjang perbicaraan tiada keterangan dikemukakan untuk membuktikan perkataan fitnah yang terkandung dalam guaman 2011 diterbitkan kepada pihak ketiga. SP1 dalam keterangannya mengakui prosiding guaman 2011 tidak pernah disiarkan atau dilaporkan di mana-mana media massa sama ada akhbar atau televisyen. Mahkamah ini selanjutnya bersetuju plaintif pertama dan plaintif kedua gagal memanggil sebarang saksi pihak ketiga untuk mengesahkan perkataan fitnah yang terkandung dalam guaman 2011 diterbitkan yang didakwa mengandungi perkataan yang memfitnah. Kegagalan untuk membuktikan prasyarat (iii) membawa parah kepada tuntutan plaintif pertama dan plaintif kedua terhadap defendan pertama atas kausa fitnah.

[34] Mahkamah ini telah menimbangkan sekiranya kesemua prasyarat (i) hingga (iii) dipenuhi (walaupun mahkamah ini berpendapat sebaliknya), defendan kedua dalam penyata pembelaannya bergantung kepada pembelaan mutlak iaitu perkataan yang menyatakan penceroboh ianya dinyatakan dalam penyata tuntutan yang merupakan pliding dan sebahagian daripada prosiding undang-undang yang tidak boleh dijadikan sebagai kausa tindakan fitnah.

[35] Mahkamah ini telah dirujukkan buku teks undang-undang bagi menyokong penegasan peguam defendan pertama dan defendan kedua. Pertamanya dalam 'Gately On Libel And Slander' Edisi kelapan menyatakan:

> Para 381: An absolute privilege attaches to the following statements (1) Statements made in the course of judicial proceedings ...
>
> Para 385: The absolute privilege which covers proceedings in or before a Court of justice can be divided into three categories. The first category covers all matters which are done coram judice. This extends to everything that is said in the course of proceedings by judges, parties counsel and witness, and includes the contents of documents put in as evidence. The second covers everything that is done from the inception of the proceedings onwards and *extends to all pleadings and other documents brought into existence for the purpose of proceedings* and starting with the

writ or other document which institutes the proceedings.

Para 400: General rule

> No action will lie against a party to an action for any defamatory statement made by him in *any pleadings*, answer to interrogatories, or affidavit, or in the course of conducting his own case in person, either in a civil or criminal court, *even though such statement is falsed and malicious and irrelevant to the matter in issue*; and even the person to whom it refers is not a party to the proceedings.'

[36] Mahkamah ini dirujukkan *Halsbury's Laws of Malaysia Vol 2* yang menyatakan:

> Para 30.100: Absolute privilege attaches not merely to proceedings at the trial but to proceedings which are essentially step in judicial proceedings, including statements in pleadings.

[37] Juga, *E Keith R Evans On Defamation in Singapore and Malaysia* yang menyatakan:

> the Privilege also extends to any publication of defamatory statement in court documents generated or judicial proceedings, provided the publication is to other parties in the ordinary course.

[38] Mahkamah ini selanjutnya dirujuk kes *Thiruchelvasegaram a/l Manickavasegar v Mahadevi a/p Nadchatiram* [2000] 5 MLJ 465; [2001] 3 CLJ 65 di mana Mahkamah Rayuan, Malaysia memutuskan:

> In considering the issue of absolute privilege accorded to words spoken in the course of any proceeding before any court of law, by, inter alia, counsel or party the learned judge relied on the passage stated by Lopez LJ in *Royal Acquarium v Parkinson* [1982] 1 QB 431 at p 451:
>
> > The authorities established beyond all question this: that neither party, witness, counsel, jury, nor judge, can be put to answer civilly or criminally for words spoken in the course of any proceedings before any court recognised by law and this although the words were written or spoken maliciously, without any justification or excuse, and from personal ill will or anger against the party named.
>
> The learned judge then went on to quote a passage from para. 13.3 of *Gatley on Libel and Slander* (9th Ed) that it is immaterial whether such proceedings take place in open court or in private and whether they are final or of a preliminary nature. The rationale for this was expressed by Pigott CB in *Kennnedy v Hilliard* 10.10 I, CL Rep. (NS) 195 as being founded on public policy, which requires that a judge, in dealing with the matter before him, a party in preferring or resisting a legal proceeding, and a witness in giving evidence, oral or written, in a court of justice, shall do so with his mind uninfluenced by the fear of an action for defamation or a prosecution for libel.

[39] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar iaitu perkataan 'penceroboh' yang didakwa menimbulkan perkataan memfitnah plaintif kedua adalah perkataan yang dinyatakan dalam penyata tuntutan guaman 2011 yang merupakan sebahagian daripada prosiding kehakiman. Perkataan yang mengandungi unsur fitnah yang dibangkitkan dalam prosiding kehakiman dilindungi oleh perlindungan mutlak. Berdasarkan pembelaan ini, tuntutan plaintif kedua ke atas defendan kedua ditolak dengan kos. Mahkamah ini merujuk kes *Cornelius Jimbangan @ Mindolos v Joseph Crispin & Anor (Michael Persius Ubu, third party)* [2009] 6 MLJ 82; [2009] 10 CLJ 87 di mana perkataan fitnah yang terkandung dalam penyata pembelaan juga dilindungi oleh perlindungan mutlak.

[40] Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar dalam usaha untuk mempertahankan tuntutan fitnahnya menghujahkan pembelaan perlindungan mutlak tidak terpakai kepada defendan kedua bergantung kepada peruntukan s 11 dan s 12 Akta Fitnah 1957 (Akta itu). Mahkamah ini turut ditarik perhatian kepada kes *Wong Cham Mew v Hong Leong Finance Bhd* [1998] 2 MLJ 194 sebagai nas sandaran peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar iaitu peguam plaintif pertama dan plaintif kedua telah salah faham dan tersasar apabila bergantung kepada peruntukan s 11 dan s 12 Akta itu. Peruntukan-peruntukan berkenaan terpakai untuk 'report of proceedings' dan bukannya pliding dalam prosiding kehakiman. Dalam kes *Wong Cham Mew* ianya melibatkan fitnah yang dikatakan berpunca daripada notis penyampaian ganti saman pemula yang kemudiannya disiarkan dalam akhbar. Plaintif dalam kes *Wong Cham Mew* merupakan seorang akauntan dan memfailkan tindakan fitnah berdasarkan notis penyampaian ganti yang dikatakan memfitnah dirinya. Dalam keadaan yang sebegini pun perlindungan mutlak terpakai terhadap pihak bank.

[41] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini menolak tuntutan plaintif pertama dan plaintif kedua terhadap defendan kedua atas tindakan fitnah yang berpunca daripada pliding dalam guaman 2011 dan alasan penghakiman YA pesuruhjaya kehakiman yang membuat penemuan fakta plaintif kedua bukannya penceroboh atas hartanah tersebut.

A BAGI ISU (B) DAN (C)

[42] Mahkamah ini akan menyentuh isu (b) dan (c) bersekali kerana ianya saling kait mengait antara satu dengan yang lainnya. Persoalan utama ialah sama ada wujud usaha sama untuk memulihkan kilang *ready mixed* yang berada atas hartanah tersebut. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar iaitu isu ini telahpun disentuh oleh YA pesuruhjaya kehakiman dalam penghakimannya (P19) yang melibatkan guaman 2011 iaitu tuntutan defendan kedua terhadap plaintif kedua yang dikatakan menduduki hartanah secara penceroboh.

[43] Mahkamah ini bersetuju perenggan 6, 7, 14 dan 15 alasan penghakiman secara jelasnya YA pesuruhjaya kehakiman telah membuat penemuan fakta berkaitan kewujudan perjanjian usaha sama antara plaintif pertama dan defendan-defendan.

[44] Sebaliknya peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar secara panjang lebar menghujahkan tidak wujud sebarang hubungan kontraktual antara plaintif pertama dan plaintif kedua dengan defendan pertama dan defendan kedua sebagaimana yang diperincikan di perenggan 38 sehingga 40.16 'Penghujahan Bertulis Defendan-Defendan' bertarikh 16 Mei 2014. Secara ringkasnya dihujahkan projek usaha sama hanyalah di peringkat cadangan dan tidak wujud hubungan kontrak sama sekali. Peguam defedan pertama dan defendan kedua yang terpelajar bergantung kepada fakta dan keterangan yang menjadi sandarannya iaitu:

(a) fakta yang tidak dipertikaikan oleh SP1, SD1 dan SD2 iaitu sehingga kini tiada sebarang perjanjian bertulis ditandatangani oleh pihak-pihak yang menyatakan terma-terma dan hak-hak berkaitan projek usaha sama;

(b) surat-surat defendan pertama iaitu P3, P14A dan 14B dan surat plaintif kedua iaitu P15 bertarikh 5 Mei 2010 menggunakan perkataan 'CADANGAN' yang menunjukkan pihak-pihak mengiktiraf status projek tersebut di peringkat cadangan dan bukannya secara kontraktual mengikat pihak-pihak;

(c) SP1 semasa pemeriksaan balas mengakui tidak ada terma-terma seperti tempoh masa projek, terma untuk penamatan, bagaimana pengiraan gantirugi sekiranya cadangan usaha sama ditamatkan telah dibincangkan oleh pihak-pihak. Terma-terma ini merupakan asas bagi mewujudkan hubungan kontrak antara pihak-pihak;

(d) surat defendan pertama (P3) bertarikh 25 Jun 2008 yang membenarkan plaintif memasuki tapak tersebut dalam apa jua keadaan tidak membangkitkan sebarang hubungan kontraktual antara plaintif

pertama dan kedua dengan defendan pertama dan defendan kedua. P3 sekadar kebenaran masuk dan tiada sebarang terma-terma berkaitan cadangan usaha sama tersebut. P3 juga bukannya arahan dan tiada tempoh masa untuk plaintif pertama memasuki tapak tersebut. Memo defendan kedua yang disertakan bersama P3 secara jelasnya menyatakan ianya tertakluk kepada penyediaan dokumen berkaitan projek;

(e) selepas plaintif-plaintif menerima P3, mereka mengetahui tiada sebarang perjanjian atau dokumen berkaitan projek tersebut ditandatangani dan tiada kesegeraan plaintif pertama memasuki tapak tersebut. Tindakan plaintif pertama yang memasuki tapak pada 10 Julai 2008 dan menjalankan proses baik pulih dengan kosnya sendiri adalah daya usaha dan risiko plaintif pertama sendiri tanpa arahan defendan pertama dan defendan kedua. Ketika itu plaintif pertama sedar tiada sebarang kontrak telah ditandatangani antara plaintif pertama dan defendan pertama;

(f) plaintif pertama selepas menerima P3 ada mengeluarkan surat bertarikh 28 Jun 2008 (P4) yang mengesahkan menerima tiga syarat yang dinyatakan dalam P4. P4 juga bukannya mewujudkan hubungan kontrak kerana ianya tidak menyatakan terma-terma asas dan hak-hak pihak-pihak;

(g) plaintif sendiri gagal mematuhi terma no 3 dalam P4 di mana plaintif pertama bersetuju pembahagian saham syarikat akan hanya dilakukan setelah satu tahun kilang *ready mix* berjaya dibaik pulih dan beroperasi;

(h) sekiranya diteliti rentetan fakta kes, tiga syarat yang dinyatakan dalam P4 bukannya syarat muktamad semasa plaintif pertama memasuki tapak tersebut. Semasa plaintif kedua mengadakan mesyuarat khas pada 4 Mei 2009 terutamanya agenda 1, 2, 3 dan 6 dalam minit mesyuarat (P27) ada membincangkan terma-terma penubuhan syarikat dan pembahagian saham. Sekiranya terma-terma ini telahpun dipersetujui ianya tidak akan dibincangkan dan fakta ini menyokong pihak-pihak masih di peringkat rundingan dan tiada kontrak dimuktamadkan;

(i) agenda 6 minit mesyuarat (P27) ada menyatakan keperluan menyediakan tiga perjanjian yang melibatkan perjanjian seperti berikut:

Perjanjian 1: Perjanjian usaha sama antara Defendan Pertama dan Plaintif Pertama dikenali sebagai Kampung Jarak Concrete Sdn Bhd;

Perjanjian2: Hak Pengurusan Operasi tapak diserahkan sepenuhnya kepada Defendan Pertama; dan

Perjanjian 3: Perjanjian penyewaan tapak antara Kampung Jarak Concrete Sdn Bhd dan PNENPs sebanyak RM30 sebulan bermula Mac 2009.

Perjanjian hendaklah disediakan selewat-lewatnya 15 Mei 2009 oleh plaintif pertama bersetuju menguruskan Perjanjian tersebut.

(j) agenda 6 dalam minit mesyuarat (P27) jelas menunjukkan plaintif-plaintif memasuki tapak dan memulakan operasi mengeluarkan produk menggunakan kos sendiri atas risiko sendiri kerana tiada hubungan kontrak diwujudkan;

(k) SP1 sendiri dalam keterangannya menyatakan beliau memberikan arahan untuk membekukan segala keputusan mesyuarat berkaitan penstrukturan syarikat dan penyediaan perjanjian yang dinyatakan di perenggan (ix); dan

(l) peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar tidak bersetuju dengan penghujahan plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar yang cuba bergantung kepada penemuan fakta oleh YA pesuruhjaya kehakiman dalam penghakimannya (P19) bagi guaman 2011 yang menjadi sandaran atau bukti wujudnya hubungan kontrak. Peguam defendan pertama dan defendan kedua menghujahkan kausa tindakan dalam guaman 2011 adalah berdasarkan kepada tuntutan pencerobohan atas hartanah tersebut. Guaman 2011 tidak membangkitkan kemungkiran kontrak dan sekadar menuntut kos pembersihan tapak dan pembaikan jentera. Mahkamah ini selanjutnya dirujuk kes *Ayer Hitam Tin Dredging Malaysia Bhd v YC Chin Enterprise Sdn Bhd* [1994] 2 MLJ 754, *MMP Communications Sdn Bhd v Flyfirefly Sdn Bhd* [2012] MLJU 1299; [2011] 1 AMR 652 dan *Fine TV Network Sdn Bhd v Telekom Malaysia Berhad & Anor* [2013] 1 AMR 716 yang menyentuh prinsip '*subject to contract*'.

[45] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar berkaitan isu ini. Mahkamah ini sependapat dengan hujahan peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar iaitu YA pesuruhjaya kehakiman dalam penghakimannya telah membuat penemuan fakta kewujudan usaha sama antara plaintif pertama dan defendan pertama dan defendan kedua. Mahkamah ini juga bersetuju memandangkan penemuan fakta oleh YA pesuruhjaya kehakiman dalam guaman 2011 tidak diketepikan oleh mahkamah atasan, ianya terikat dengan doktrin res judicata sebagaimana yang digariskan dalam kes *Hartecon JV Sdn Bhd & Anor v Hartela Contractors Ltd* [1996] 2 MLJ 57 dan *Asia Commercial Finance (M) Berhad v Kawal Teliti Sdn Bhd* [1995] 3 MLJ 189.

[46] Mahkamah ini secara alternatif berpendapat sekiranya tiada penemuan fakta oleh YA pesuruhjaya kehakiman dalam guaman 2011, mahkamah ini bersetuju tidak wujud hubungan kontrak kerana ianya tertakluk kepada prinsip undang-undang 'subject to contract sebagaimana yang diperincikan di atas.

[47] Persoalan seterusnya sama ada defendan pertama dan defendan kedua telah memungkiri kontrak yang sedia wujud sebagaimana yang dinyatakan dalam penghakiman guaman 2011. Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar dalam hujahannya menyatakan defendan pertama dan defendan kedua telah melanggar perjanjian usaha sama betdasarkan fakta -fakta iaitu; defendan pertama enggan untuk mengambil 30% saham dalam syarikat plaintif kedua sebagaimana yang telah dipersetujui dan meneruskan dengan projek usaha sama tersebut. Defendan pertama melalui suratnya bertarikh 29 April 2010 kepada plaintif kedua tanpa menyatakan apa-apa sebab dan memohon plaintif kedua menyerahkan semula semua dokumen-dokumen asal dan geran-geran dan mengenakan sewaan berkuat kuasa mulai tarikh plaintif kedua memasuki hartanah tersebut. Selanjutnya keengganan defendan pertama meneruskan usaha sama tersebut tanpa apa-apa sebab setelah plaintif pertama membaik pulih hartanah tersebut, jentera, mesin dan kenderaan serta perniagaan jelas melanggar perjanjian usaha sama tersebut.

[48] Selanjutnya peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar telah menghujahkan mengikut peruntukan s 40 Akta Kontrak 1950, plaintif pertama dan plaintif kedua berhak untuk menamatkan perjanjian usaha sama tersebut kerana keengganan defendan pertama dan defendan kedua untuk melaksanakan janji tersebut. Selanjutnya plaintif pertama dan plaintif kedua menuntut ganti rugi sebagaimana yang dibenarkan di bawah s 74 (1) Akta Kontrak 1950. Mahkamah ini telah dirujukkan kes-kes *Hadley v Baxendale* (1854) 9 Exch 341 , *Associated Metal Smelters Ltd v Tham Cheow Toh* [1971] 1 MLJ 271 dan *Bank Bumiputra Malaysia Bhd Kuala Terengganu v Mae Perkayuan Sdn Bhd & Ors* [1993] 2 MLJ 76 sebagai nas sandaran hujahan peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar.

[49] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar yang menegaskan defendan pertama dan defendan kedua telah melakukan kemungkiran perjanjian usaha sama. Mahkamah ini sependapat dengan hujahan peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar iaitu punca kegagalan perjanjian usaha sama adalah terletak sepenuhnya atas plaintif pertama dan plaintif kedua berdasarkan fakta dan keterangan-keterangan yang diperincikan di bawah ini:

(a) pada asalnya plaintif pertama melalui suratnya bertarikh 28 Jun 2008 (P4) bersetuju melaksanakan projek usaha sama mengaktifkan kilang tersebut dengan menanggung sendiri semua kos yang terlibat untuk membaik pulih kilang *ready mix* tersebut, mesin, jentera, kenderaan lori dan kos operasi;

A (b) plaintif-plaintif sendiri di dalam Q & A 38 dan 41 (P1) mengakui proses membaik pulih berjaya dilakukan sepenuhnya pada sekitar awal bulan November 2008. Operasi telah dijalankan atas nama plaintif kedua di mana produk-produk 'pre cast dan '*ready-mix*' telah mula dikeluarkan pada penghujung bulan November 2008;

B (c) plaintif pertama dan plaintif kedua dalam perenggan 27 penyata tuntutan dan perenggan 13 jawapan kepada penyata pembelaan serta keterangan SP1 (Q & A 75 (P1)) mendakwa sekitar pertengahan Mei 2009 plaintif pertama mengalami berbagai masalah yang sengaja C ditimbulkan oleh defedan pertama dan defendan kedua yang enggan memberi kerjasama untuk melancarkan urusan pengaktifan semula perniagaan kilang tersebut serta memberi berbagai halangan bagi menggagalkan pelaksanaan keputusan yang dibuat dalam mesyuarat tersebut;

D (d) mahkamah ini bersetuju dakwaan plaintif pertama dan plaintif kedua tentang kewujudan 'berbagai masalah' dan 'berbagai halangan' adalah tidak berasas dan tidak dinyatakan secara khusus apakah masalah dan halangan yang ditimbulkan oleh defendan pertama dan defendan E kedua;

(e) mahkamah ini juga bersetuju sekiranya benar dakwaan plaintif pertama dan plaintif kedua, plaintif pertama dan plaintif kedua tidak pernah membangkitkan sebarang masalah secara bertulis ataupun sesalinan surat kepada defendan pertama dan defendan kedua bagi membuktikan F masalah dan halangan yang menjadi asas penamatan perjanjian usaha sama tersebut;

(f) mahkamah ini bersetuju semasa pemeriksaan balas atas SP2, wakil defendan pertama dan defendan kedua telah memberikan kerjasama G dengan memberikan sesalinan kad pengenalan untuk pengstrukturan syarikat. Sebaliknya SP2 tidak meneruskan proses tersebut atas arahan SP1 sendiri. Mahkamah ini bersetuju tidak timbul masalah atau halangan sebagaimana yang didakwa oleh plaintif pertama dan plaintif kedua; dan

H (g) mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar iaitu semasa pemeriksaan balas, SP1 telah memperjelaskan apakah masalah yang sebenarnya dihadapi sebagaimana berikut:

I J: Selepas mesyuarat saya arahkan Mohd Norhanizam menyediakan semua dokumen-dokumen diperlukan. Selepas itu saya beritahu Mohd Norhanizam saya memerlukan setahun untuk memulihkan perniagaan Syarikat Plaintif kedua. Sebenarnya pada penghujung bulan April lagi masalah ini berlaku. Saya telah menghadapi masalah dengan pengurus besar

defendan pertama. Sedikit perselisihan faham telah berlaku. Saya tidak dapat kerjasama sepatutnya daripada beliau. Untuk makluman Mahkamah Syarikat Kampung Jarak Hardware telah membekalkan bahan binaan untuk projek defendan pertama dan berlaku masalah pembayaran menyebabkan saya membuat tuntutan kepada Defendan Pertama dan berlaku masalah pembayaran menyebabkan saya membuat tuntutan kepada Defendan Pertama dan disitulah timbul masalah yang mengakibatkan operasi syarikat saya telah menghadapi masalah kewangan. Disebabkan pembekalan bahan binaan kepada projek Defendan Pertama, pada bulan Jun 2009 saya arahkan Mohd Norhanizam untuk membekukan semua arahan yang diarahkan kepada beliau sebelum ini iaitu penyediaan Perjanjian.

S: Jadi itu masalah-masalah?

J: Ya masalah kewanganlah. Itulah masalahnya.

[50] Mahkamah ini bersetuju adalah jelas masalah kewangan yang menjadi punca masalah yang didakwa ditimbulkan oleh defendan pertama dan defendan kedua. Masalah bayaran bekalan bahan binaan tidak diplidkan dalam penyata tuntutan yang difailkan oleh plaintif pertama dan plaintif kedua. Masalah pembayaran itu melibatkan Kampung Jarak Hardware dan ianya tidak ada kena mengena dengan perjanjian usaha sama. SP1 sendiri mengakui tuntutan Kampung Jarak Hardware terhadap defendan pertama telahpun ditolak oleh mahkamah. Mahkamah ini bersetuju masalah bayaran ini bukannya punca usaha sama ini gagal diteruskan.

[51] Mahkamah ini bersetuju plaintif pertama semasa memasuki tapak tersebut bersetuju menanggung semua kos untuk membaiki tapak, mesin dan kos operasi kilang tersebut. Sekiranya plaintif pertama mengalami masalah kewangan, plaintif pertama yang sepatutnya mengambil kira kos bagi meneruskan operasi kilang tersebut. Masalah bayaran defendan pertama tidak berkaitan sama sekali dengan perjanjian usaha sama tersebut.

[52] Mahkamah ini berpendapat plaintif pertama dan plaintif kedua gagal membuktikan defendan pertama dan defendan kedua telah memungkiri perjanjian usaha sama tersebut. Mahkamah ini menolak tuntutan plaintif pertama dan plaintif kedua untuk ganti rugi yang didakwa dialami sebagaimana yang dituntut dalam penyata tuntutannya.

[53] Secara alternatif sekiranya defendan pertama dan defendan kedua bertanggungan, mahkamah ini akan menyentuh isu tuntutan ganti rugi yang dituntut oleh plaintif pertama dan plaintif kedua di perenggan 44 (ii) dan (iii) penyata tuntutan.

A BAGI ISU (E)

Tuntutan RM1,352,148.83 yang telah dibelanjakan oleh plaintif pertama sebagai kos baik pulih, kos pentadbiran dan kos operasi (perenggan 44 (ii) penyata tuntutan)

B

[54] Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar telah menghujahkan kos ini telahpun dibuktikan melalui dokumen-dokumen di muka surat (31) hingga (528) ikatan dokumen 'C'. Selanjutnya dihujahkan defendan pertama dan defendan kedua gagal mencabar ketepatan kandungan C dokumen-dokumen yang berkenaan atau mengemukakan jumlah yang sebenar sekiranya selain daripada jumlah yang dituntut oleh plaintif-plaintif. Semasa pemeriksaan balas sekadar menyentuh nombor siri invois, sama ada invois dikeluarkan kepada syarikat selain daripada plaintif kedua, penyedia dokumen berkenaan, tanda tangan *delivery order* dan cara bayaran dibuat.

D

[55] Peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar dalam hujahannya telah merujuk kes *MMP Communications Sdn Bhd v Flyfirefly Sdn Bhd* [2012] MLJU 1299; [2011] 1 AMR 652 yang menyentuh prinsip E berkaitan pembuktian kerugian.

[56] Plaintif pertama dan plaintif kedua bagi membuktikan kos yang dituntut berpandukan kepada ringkasan senarai perbelanjaan untuk Kampung Jarak Concrete Sdn Bhd dari tahun 2008 sehingga 2012 (ID37), penyata F akaun cetakan komputer bermula 11 Julai 2008 sehingga 31 Ogos 2012 (ID38) dan salinan *delivery order/invoice* Kampung Jarak Enterprise (ID39). Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar telah menggesa mahkamah ini untuk menerima ID37, ID38 dan ID39 sebagai eksh kes plaintif pertama dan plaintif kedua. Semasa perbicaraan mahkamah ini G membenarkan dokumen-dokumen berkenaan ditandakan sebagai ID37, ID38 dan ID39 dan mengarahkan pihak-pihak menghujahkan perkara ini diakhir perbicaraan nanti. Pendekatan atau cara ini dibenarkan sebagaimana yang berlaku dalam kes *Ng Chooi Kor v Isyoda (M) Sdn Bhd* [2004] MLJU 626.

H

[57] Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar selanjutnya menghujahkan banyak soalan telah ditanyakan oleh peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar berkaitan isi kandungan ID37, ID38 dan ID39. Selanjutnya dihujahkan ID37, ID38 dan ID39 telah I disediakan oleh SP3. Peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar tidak menyoal balas SP3 sama ada terdapat salinan asal kepada ID37, ID38 dan ID39. Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar merujuk kes *Devadass a/l Raju v Tham Soon Kum & Ors* [2013] 1 MLJ 700 sebagai nas sandarannya.

[58] Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar dalam hujahannya menegaskan peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar telah merujuk kandungan dokumen-dokumen (ID37, ID38 dan ID39) dan mengajukan banyak soalan kepada SP3. SP3 telah berjaya memberikan keterangan yang jelas dan benar menjawab soalan-soalan berkaitan dokumen yang dipertikaikan. Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar telah merujuk kes *Dasar Profil (M) Sdn Bhd & Anor v Nadicorp Holdings Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Mara Holdings Sdn Bhd)* [2012] MLJU 1150 dan menghujahkan ID37, ID38 dan ID39 diterima sebagai ekshibit dan dijadikan ekshibit kes plaintif-plaintif.

[59] Sebaliknya peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar telah menghujahkan ID37, ID38 dan ID39 termasuk dalam ikatan dokumen-dokumen (tidak dipersetujui) (Bahagian C). Plaintif pertama dan plaintif kedua mempunyai tugas untuk mengemukakan dokumen mengikut peruntukan s 64 Akta Keterangan 1950 (Akta itu) iaitu mengemukakan melalui keterangan utama (*primary evidence*) atau sekiranya tiada perlu mengemukakan keterangan sekundar (*secondary evidence*) sebagaimana yang digariskan di bawah s 65 Akta itu. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar iaitu ID37, ID38 dan ID39 merupakan salinan fotostat. Sekiranya plaintif pertama dan plaintif kedua berhasrat untuk menjadikan dokumen-dokumen berkenaan sebagai eksh, salinan asal ID37, ID38 dan ID39 perlulah dikemukakan semasa SP3 memberi keterangannya. Semasa SP3 memberi keterangan ianya tidak memaklumkan di mana salinan asal dokumen berkenaan dan gagal menunjukkan kewujudan keadaan yang dibenarkan di bawah s 65 Akta itu bagi mewajarkan keterangan sekundar dikemukakan.

[60] Mahkamah ini bersetuju dengan nas-nas yang dirujuk oleh peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar berkaitan tugas untuk mengemukakan keterangan utama dan sekiranya tiada, keterangan sekundar yang dibenarkan bawah s 65 Akta itu perlu dipatuhi. Mahkamah ini dirujuk kes *Chong Khee Sang v Pang Ah Chee* [1984] 1 MLJ 777; *Popular Industries Limited v Eastern Garment Manufacturing Sdn Bhd* [1989] 3 MLJ 360; *KPM Khidmat Sdn Bhd v Tey Kim Sue* [1994] 2 MLJ 627; *KBB Properties Sdn Bhd v Yong Chon Chiang* [2006] 6 CLJ 421; *Perspective Globe Sdn Bhd v Sogo Pernas Development Store Sdn Bhd* [2009] MLJU 455 dan *Kesang Leasing Sdn Bhd v Dato' Haji Mat @ Mat Shah bin Ahmad & Ors (No 2)* [2009] 2 MLJ 574 sebagai nas-nas sandaran.

[61] Mahkamah ini dalam nada yang sama bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar berdasarkan prinsip kes-kes di atas, plaintif pertama dan plaintif kedua gagal mengemukakan keterangan utama (primary evidence) ataupun

mengemukakan keterangan sekundar (secondary evidence) yang dibenarkan di bawah s 65 Akta itu. SP3 dan saksi plaintif-plaintif yang lainnya tidak pernah mengemukakan kewujudan keadaan yang dibenarkan di bawah s 65 Akta itu. Mahkamah ini tidak mempunyai pilihan dan menolak penghujahan plaintif pertama dan plaintif kedua untuk menerima masuk ID37, ID38 dan ID39 sebagai keterangan bagi menyokong tuntutannya.

[62] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar iaitu tuntutan kos gantirugi tidak seharusnya dibenarkan kerana plaintif pertama dan plaintif kedua tidak telus dalam membentangkan penyata kewangan berkaitan pendapatan dan perbelanjaan kos operasi kilang. Tuntutan RM1,352,148.83 adalah kos keseluruhan yang dialami bermula dari tarikh kemasukan pada 10 Ogos 2008 sehinggalah tarikh keluar. Penyata akaun yang berakhir pada 31 Ogos 2012 tidak mengambarkan hasil jualan produk yang tidak diambilkira atau ditunjukkan bagi mengurangkan perbelanjaan kos operasi dan pembaikan jentera. Plaintif pertama dan plaintif kedua juga menuntut kos pembelian bahan mentah untuk pembuatan produk Kampung Jarak Concrete daripada defendan pertama dan defendan kedua sedangkan hasil jualan dimasukkan ke dalam akaun Kampung Jarak Hardware Sdn Bhd.

[63] Mahkamah ini berpendapat kes *Devadass a/l Raju* ianya melibatkan kegagalan pihak defendan menyoal balas plaintif kedua memerlukan bantuan untuk urusan rumah dan ahli keluarga yang membantunya dan fakta ini seharusnya tidak boleh dipertikaikan kemudiannya. Dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, mahkamah ini berpendapat plaintif pertama dan plaintif kedua yang memikul beban untuk memastikan mengapa hanya salinan fotostat ID37, ID38 dan ID39 dan bukan menjadi tugas pihak defendan pertama dan defendan kedua untuk bertanyakan mengapa salinan asal tiada. Plaintif pertama dan plaintif kedua perlulah mengemukakan keterangan mengapa pihaknya tidak dapat mengemukakan keterangan utama melalui SP3.

[64] Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Dasar Profil (M) Sdn Bhd & Anor* yang menjadi sandaran peguam plaintif pertama dan plaintif kedua ianya melibatkan fakta yang berbeza. Saksi (SP1) yang disoal balas mengetahui pengetahuan berkaitan dokumen (ID) dan memberikan penjelasan mengapa dokumen tidak dapat dikemukakan. SP1 dalam keterangannya menyatakan:

> Walau bagaimanapun banyak dokumen-dokumen tidak dapat disediakan oleh pihak syarikat kerana setelah kakitangan Plaintif maklum bahawa pihak MARA Holding telah tamat kontrak dan tidak berminat berniaga dengan Dasar Profil dan pekerja berhenti serta merta jadi banyak dokumen-dokumen hilang. Tuntutan ini dibuat ikut apa dokumen yang ada. Kos perbelanjaan lebih kurang 1 juta. Dokumen hilang sewaktu keadaan pejabat kucar-kacir dan tiada orang ambil

tanggungjawab pada suatu ketika pejabat saya diserang oleh supplier kerana menuntut hutang. Yang biasa jaga dokumen ialah saudara Aziz Shafii. Aziz balik bekerja di MARA Holdings. Saya tidak tahu apa jadi dengan dokumen dalam simpanan Aziz sebab itu saya tidak dapat simpan dokumen. Semua jumlah RM7000 - separuh dah bayar dan ada yang berhutang.

[65] Sebaliknya dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, walaupun peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar menyoal balas SP3 berkaitan isi kandungan ID37, ID38 dan ID39 ianya tidak secara automatik boleh diterima sebagai keterangan sebagaimana yang dihujahkan oleh peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar.

BAGI ISU (F)

Tuntutan bagi kehilangan pendapatan plaintif sebanyak RM19,219,242.65 (perenggan 44 (iii) penyata tuntutan)

[66] Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar telah menghujahkan jumlah yang dituntut iaitu RM19,219,242.65 merupakan 70% daripada unjuran keuntungan yang terkumpul untuk tempoh 10 tahun berjumlah RM27,456,060.93. Plaintif pertama dan plaintif kedua bergantung kepada laporan akaun (muka surat (15) hingga (21) ikatan dokumen 'C') dan perkara ini telah disahkan oleh SP1 di mana laporan akaun ini termasuk 'Aliran Tunai dan Unjuran Untung dan Rugi' yang dibentangkan dalam mesyuarat pada 4 Mei 2009. Selanjutnya dihujahkan keterangan SP1 dan SP2 berkaitan perkara ini tidak dicabar oleh defendan pertama dan defendan kedua. Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar juga bergantung kepada penemuan fakta oleh YA pesuruhjaya kehakiman yang dizahirkan dalam penghakimannya bagi guaman 2011 berkaitan pembahagian saham 70% kepada plaintif pertama dan 30% defendan pertama.

[67] Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar telah menghujahkan pengiraan keuntungan ini seharusnya diterima sebagaimana yang telah diputuskan dalam kes *Tanjung Tiara Sdn Bhd v Southwind Development Sdn Bhd* [2011] 4 MLJ 593 dan *First Consolidated Sdn Bhd v Padu Ehsan Sdn Bhd* [1993] MLJU 216.

[68] Sebaliknya peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar menghujahkan plaintif pertama dan plaintif kedua nampaknya bergantung kepada laporan akaun (ID13) yang menjadi asas tuntutannya. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar iaitu ID13 adalah anggaran semata-mata oleh SP1. SP1 semasa soal balas mengakui ID13 tidak lengkap kerana tidak mengandungi pasaran semasa untuk *pre cast* dan *ready mix* yang diperlukan di Perlis; jumlah jualan yang dinyatakan atas anggaran SP1 dan bukan atas

permintaan semasa; dalam anggaran unjuran tidak disertakan dokumen sokongan iaitu ada pesanan atau permintaan pembelian produk Kampung Jarak Concrete tersebut; ID13 tidak menunjukkan perbandingan jualan tahun 2008 dan 2009 untuk unjuran 2010 dan tidak mengemukakan jumlah jualan produk yang dikeluarkan oleh Kampung Jarak Concrete.

[69] ID13 ini tidak disokong oleh bukti penjualan sebenar produk yang dikeluarkan oleh plaintif-plaintif untuk tahun kewangan 2008 sehingga 2012. Plaintif pertama dan plaintif kedua tidak mengemukakan akaun terperinci yang diauditkan. SP2 juga mengesahkan ketiadaan pembentangan penyata akaun dan laporan odit semasa pemeriksaan balas.

[70] Mahkamah ini bersetuju plaintif pertama dan plaintif kedua mempunyai tugas untuk mengurangkan kerugian yang dialami (*duty to mitigate losses*). Sekiranya benar ada timbul masalah, plaintif petama dan plaintif kedua perlu mengambil langkah-langkah lain bagi membolehkan operasi sehingga sepuluh tahun dijalankan. Sekiranya ada kerugian yang dituntut ialah kerugian yang berpunca daripada menjalankan operasi di tempat lainnya. Mahkamah ini bersetuju dengan prinsip untuk mengurangkan kerugian sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Malaysian Rubber Development Corp Bhd v Glove Seal Sdn Bhd* [1994] 3 MLJ 569.

[71] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat plaintif pertama dan plaintif kedua gagal membuktikan tuntutannya sebagaimana di perenggan 44 (ii) dan (iii) penyata tuntutan. Mahkamah ini memberikan ganti rugi nominal sebanyak RM500 sahaja.

BAGI ISU (G)

[72] Mahkamah ini akan menyentuh tuntutan balas oleh defendan pertama sebagaimana yang diplidkan di perenggan 46 sehingga 50 penyata pembelaan. Defendan pertama menuntut tuntutan balas berjumlah RM2,813,000 yang merupakan tuntutan keseluruhan sewa jentera dan mesin tersebut dari 2008 sehingga 2013 daripada plaintif pertama dan plaintif kedua. Defendan pertama membuat tuntutan balas ini berdasarkan '*quantum meruit*' sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Ayer Hitam Tin Dredging Malaysia Berhad v YC Chin Enterprises Sdn Bhd* [1994] 2 MLJ 754. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama yang terpelajar dalam aspek ini. Mahkamah ini bersetuju defendan pertama telah memaklumkan caj sewa kepada plaintif pertama melalui surat P14B dan surat ini diakui terima oleh SP1. P14B secara jelasnya menyatakan caj penyewaan yang dikenakan dan menyatakan caj sewaan berkuatkuasa mulai tarikh kemasukan ke tapak.

[73] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam defendan pertama iaitu defendan pertama bersedia pada bila-bila masa membayar segala kos pembaikan jentera dan mesin yang dituntut oleh plaintif-plaintif dengan syarat bukti perbelanjaan pembaikan jentera dan mesin tersebut dikemukakan. Sepanjang perbicaraan berlangsung tiada bukti resit, invois dan bukti pembayaran pembaikan mesin dan jentera tersebut di kemukakan.

[74] Mahkamah ini menerima keterangan SD1 dalam Q & A 27 (D40) telah memberikan alasan pengenaan caj tersebut. Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar telah menghujahkan tuntutan balas oleh defendan pertama seharusnya ditolak kerana defendan pertama gagal membuktikan pemilikan jentera dan mesin yang dikatakan telah disewakan. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam plaintif pertama dan plaintif kedua dan tiada keperluan untuk berbuat sedemikian. Tindakan plaintif-plaintif yang menuntut kos pembaikan mesin-mesin dan jentera daripada defendan pertama secara tidak langsung tidak mempertikaikan ianya milik defendan pertama.

[75] Mahkamah ini membenarkan tuntutan balas sebagaimana yang diplidkan dalam perenggan 50(a) dan (b) penyata pembelaan. Bagi perenggan 50(b), mahkamah ini membenarkan kadar faedah 5% setahun bermula dari tarikh penghakiman sehingga pembayaran penuh.

BAGI ISU (H)

[76] Peguam defendan pertama dan defendan kedua yang terpelajar menghujahkan kos RM80,000 untuk penolakan tuntutan plaintif pertama dan plaintif kedua. Selanjutnya sekiranya tuntutan balas dibenarkan memohon kos RM20,000.

[77] Peguam plaintif pertama dan plaintif kedua yang terpelajar memohon kos yang minima diberikan. Mahkamah ini telah menimbangkan penghujahan pihak-pihak dan novelty kes yang dibicarakan, mahkamah ini memerintahkan plaintif pertama dan plaintif kedua membayar kos RM40,000 kepada defendan pertama dan defendan kedua dan tuntutan balas defendan pertama dibenarkan dengan kos sebanyak RM15,000.

BAGI ISU (D)

[78] Mahkamah ini tidak berhasrat untuk menyentuh isu kuantum atas kausa fitnah kerana defendan kedua tidak bertanggungan atas perkataan penceroboh yang timbul daripada prosiding kehakiman sebagaimana yang telah diperincikan di isu (a) di atas.

Perintah seperti yang dipohon.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor